

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2015

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN
AHMAD [KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan dengan pelaksanaan GST pada April 2015 ini, berapa banyak
syarikat yang telah berdaftar dan berapa syarikat yang masih tidak
berdaftar dan apakah tindakan yang akan dikenakan pada syarikat-
syarikat yang masih enggan dan degil tidak membuat pendaftaran ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga 23 Mac 2015, syarikat yang berdaftar dengan GST ialah 358,319 buah syarikat. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah dan sedang melaksanakan OPS GST bagi mencari syarikat yang gagal berdaftar.

2. Bagi syarikat yang telah mencapai nilai threshold RM500,000 tetapi tidak berdaftar, seksyen 96 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 memperuntukkan klausa dimana syarikat boleh dikenakan kompaun sebanyak RM15,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi daripada dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.